

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3/12/2018

Projek Persekutuan di Sarawak diteruskan

Um - 3/12/2018 m/s: 3

BINTULU 2 Dis. - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, projek-projek Persekutuan di Sarawak akan diteruskan tanpa mengira kerajaan yang memerintah negeri ini.

Beliau berkata, bagi kerajaan Persekutuan, Sarawak adalah sebahagian daripada Malaysia dan pembangunan negeri ini adalah tanggungjawab Putrajaya.

“Sudah tentu kami lebih suka dengan sebuah kerajaan yang mesra, dari parti yang sama dengan kerajaan Persekutuan (Pakatan Harapan).

“Tetapi sama ada ia kerajaan yang berbeza atau sama, projek

Persekutuan di Sarawak akan diteruskan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat tertutup mengenai kemajuan projek Persekutuan di Sarawak di sini hari ini.

Ditanya mengenai kerajaan negeri Gabungan Parti Sarawak (GPS) menawarkan RM1 bilion untuk digunakan bagi membina semula sekolah yang uzur di negeri ini, beliau berkata, ia satu pinjaman.

“Saya rasa mereka (kerajaan negeri) mahu pinjamkannya kepada kita. Tetapi kerajaan negeri juga berhutang wang dengan kita.

“Kita lebih setuju sekiranya mereka bayar sahaja wang yang

mereka hutang dengan kita. Mereka mempunyai banyak wang dan belanjawan Sarawak adalah yang terbesar di Malaysia, RM11 bilion (tahun hadapan),” katanya.

Dr. Mahathir juga berharap kerajaan negeri Sarawak tidak begitu mendesak berhubung royalti minyak kepada negeri ini.

Sarawak menuntut agar royalti minyak sebanyak lima peratus daripada kerajaan Persekutuan dinaikkan kepada 20 peratus sebagai sebahagian daripada hak istimewa negeri seperti termaktub di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).



DR. MAHATHIR MOHAMAD menghadiri taklimat Kemajuan Projek Pembangunan Persekutuan di Bintulu, Sarawak, semalam. - BERNAMA